

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Perkara Utama

- | | |
|--|--|
| Apa yang diaudit? | <ul style="list-style-type: none">Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan Perakaunan Tunai Ubah Suai.Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.Penyata yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak tahun 2022 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. |
| Mengapa ia penting untuk diaudit? | <ul style="list-style-type: none">Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. |
| Apa yang ditemui Audit? | <ul style="list-style-type: none">Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. |

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

FAKTA UTAMA

01.01.2022 - 31.12.2022 Tahun Kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2023 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit 17 Januari 2023 Tarikh sebenar penyerahan penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran

1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata kewangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit selaras dengan Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, YBhg. Dato Sri Dr. Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 kepada Jabatan Audit Negara pada **17 Januari 2023**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan menggunakan asas Perakaunan Tunai Ubah Suai bagi tahun 2022 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata berkenaan mengandungi Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas Perakaunan Tunai Ubah Suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya

pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula merangkumi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Penerimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Penerimaan, perubahan Tunai, Pelaburan serta Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang serta tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Aset merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Perbelanjaan Pembangunan. Memorandum Liabiliti terdiri daripada Hutang Awam yang meliputi semua pinjaman dalam dan luar negeri termasuk hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan. Selain itu, maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan juga ditunjukkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama. Selain itu, pengauditan juga dijalankan untuk memastikan rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2022. Pertanyaan Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Jabatan

Perbendaharaan Negeri dan kementerian/jabatan/agensi negeri melalui Surat Pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Pra Penutup diadakan pada 18 April 2023 manakala Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 14 Jun 2023. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh YBhg. Dato Sri Dr. Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Akauntan Negeri dan ketua-ketua kementerian/jabatan/agensi negeri.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan serta ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan penyata kewangan meliputi pemeriksaan rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak secara keseluruhan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 yang disertakan bersama dengan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I hingga Lampiran VII**.

